# Berita kampus



Prof Noor Azlan Ghazali memeriahkan Majlis Jamuan Hari Raya UKM dengan menyanyikan persembahan bersama-sama kakitangan universiti.



**Prof Kamal Nasharuddin (dua dari kanan)** bersalaman dengan tetamu pada Majlis Mesra Aidilfitri UNITEN.



**Prof Ahmad Rafi menyampaikan** sumbangan pada Majlis Sambutan Aidilfitri MMU.



**Idris meletakkan juadah** ke dalam pinggan tetamu Majlis Jamuan Aidilfitri JPP sambil diperhatikan oleh Prof Mohd Ismail (belakang, bersongkok).

# Teruskan tradisi majlis jamuan Aidilfitri

**Oleh Noor Azma Laila, Basir Zahrom dan Faizatul Farhana Farush Khan**
bhnews@bh.com.my

► Putrajaya

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), memperkenalkan Ketua Pengarah baharunya, Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz yang mula bertugas awal bulan ini, sempena Majlis Jamuan Aidilfitri jabatan itu di sini.

Pada majlis berlangsung di Galeria PJH itu, tiga atlet Politeknik Malaysia yang terpilih mewakili negara ke temasya Sukan SEA 2017 turut diraikan.

Yang turut hadir ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, dan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

## Sajikan persembahan

Tetamu berpeluang menikmati pelbagai juadah, termasuk nasi lagam panas, kambing golek, mi kari, laksa, cendol dan aneka kuih-muih serta minuman, selain dihiburkan dengan persembahan istimewa oleh Zarul Umbrella.

**Di Bangi**, warga Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memeriahkan Majlis Jamuan Hari Raya yang menjadi medan untuk saling bermaafan dan memperkukuh semangat kekeluargaan.

Program bertambah menarik apabila Naib Canselor, Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali, bersama barisan pentadbiran tertinggi UKM menjayakan persembahan sketsa bertajuk 'Leman', tarian joget dan nyanyian lagu raya.

Pada majlis sama, Koperasi UKM menyampaikan zakat kepada universiti itu, manakala Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Dr Ibrahim Saad pula menyampaikan duit raya kepada anak-anak asal Bangi dan Rohingya.

## Teruskan tradisi

Sementara itu, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) mengadakan Majlis Mesra Aidilfitri bersama komuniti setempat yang turut dihadiri Naib Canselor, Prof Datuk Ir Dr Kamal Nasharuddin Mustapha, sekali gus menyerahkan sumbangan kepada pelajar memerlukan dan kakitangan bakal menunaikan haji.

**Di Shah Alam**, Management & Science University (MSU) meneruskan tradisi penganjuran Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MSU & MSU College dengan dihadiri lebih 2,000 tetamu.

Presiden MSU dan MSU College, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, berkata acara tahunan itu bertujuan meraikan serta menghargai tetamu yang banyak membantu kelancaran pengurusan universiti, selain memeriahkan sambutan Aidilfitri.

**Di Cyberjaya**, Presiden Universiti Multimedia (MMU), Prof Datuk Dr Ahmad Rafi Mohamed Eshaq, berkata universiti itu mengadakan Majlis Sambutan Aidilfitri sebagai tanda berterima kasih atas kerjasama dan komitmen penggiat bidang terbabit.

Sempena majlis itu, MMU menyampaikan sumbangan bagi membantu pembiayaan yuran pengajian lima pelajarnya, iaitu Mimie Aida Mazlan, Mohamad Amirudin Ahmad Khalid, Mohamad Hafiz Sabarudin, Noor Khairah Hazlin Masli dan Amirul Rafiq Rumli.

Selain itu, sumbangan diberikan kepada seorang anak kakitangan MMU, Soffia Arissa Saiful Azrin yang juga orang kurang upaya (OKU) bagi membantu menampung kos perubatannya.



**Prof Mohd Shukri (tengah)** ceria pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri MSU & MSU College yang berlangsung penuh berwarna-warni.